mahkamah rayuan berkenaan perkara ini boleh didapati dalam kes Majlis Privy iaitu *Yahya bin Mohamed* v. *Chin Tuan Nam.*[5] Ini adalah mengenai satu kes kemalangan jalanraya di mana isu penting ialah di sebelah mana garisan pelanggaran itu berlaku. Hakim telah menimbangkan keterangan saksi-saksi, pelan lakar dan gambar pihak polis dan telah membuat penemuan fakta yang tertentu. Majlis Privy telah memutuskan bahawa penemuan Hakim yang membicarakan kes itu tidak sepatutnya diganggu. Hanya jarang sekali "mahkamah rayuan, tanpa mendapat peluang melihat dan mendengar saksi-saksi, didapati wajar membuat keputusan yang berlainan dari hakim yang membicarakan kes di atas soalan percayaan". Kami juga mempunyai pendapat yang sama bahawa mahkamah rayuan hanya wajar membuat keputusan yang berlainan sekiranya ada alasan yang sah yang menunjukkan bahawa hakim yang membicarakan kes itu telah tidak menggunakan dengan betul peluang beliau melihat dan mendengar saksi-saksi.

Keterangan menunjukkan bahawa dalam kes ini pihak yang menentang rayuan telah melihat pihak yang merayu, seorang perempuan tua, kira-kira 30 kaki darinya akan melintasi jalan dan kemungkinan berlakunya bahaya jelas kelihatan. Dengan keadaan itu satu tugas khas dikenakan untuk berhati-hati dan kegagalan pihak menentang rayuan dalam tugas itu adalah satu kecuaian (lihat *Chan Peng Fook* v. *Kan Pak Lee*[6] oleh Hashim Yeop A Sani H.). Yang di Pertua yang arif, telah pada pendapat kami dengan betul mendapati sebagai satu fakta bahawa pihak yang menentang rayuan telah cuai dan pihak yang merayu juga boleh dipersalahkan apabila dia mencuba melintasi jalan itu tanpa betul-betul menentukan bahawa adalah selamat baginya untuk berbuat demikian. Kami tidak dapat melihat apa-apa alasan yang sah untuk memutuskan bahawa pembahagian tanggungan atas nisbah 50-50 tidak berasaskan keterangan.

Atas sebab-sebab ini, kami menerima rayuan dengan kos dan menegakkan semula arahan yang dibuat oleh Yang di Pertua yang arif.

LEMBAGA LETRIK NEGARA lwn. RAMAKRISHNAN*

[Mahkamah Persekutuan (Raja Azlan Shah H.B. (Malaya), Abdul Hamid H.P. dan Abdoolcader H.) Mei 11, 1982]

[Pulau Pinang – Mahkamah Persekutuan Rayuan Sivil No. 240/1980]

Tort – Tugas penghuni tanah kepada penceroboh – Sama ada tugas am berhati-hati wujud serentak dengan tugas dari menduduki tanah – Pengetahuan tentang bahaya kepada orang-orang yang datang kepada tanah itu – Kegagalan mengambil langkah yang sesuai seperti yang ditetapkan oleh perikemanusiaan biasa dan memandang kepada keadaan persendirian dan had kewangan – Pecah tugas – Cuai sumbangan.

Ini adalah rayuan dari keputusan Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang, yang dilaporkan di [1981] 2 M.L.J. 347.

Pihak menentang rayuan seorang budak lelaki berusia 10 tahun telah panjat tiang H-Pole (yang didiri dan dikendalikan oleh pihak merayu) di dalam usaha melepaskan burung yang terperangkap di atas kawat di puncak tiang itu. Berlaku satu pancaran letrik yang mengakibatkan dia terkena letrik dan terhumban ke tanah. Sebagai akibatnya dia mengalami kecederaan parah. Tuntutan berlandaskan kepada kecuaian pihak merayu dalam mendiri dan mengendalikan tiang H-Pole itu yang membawa letrik voltage tinggi benar-benar berhampiran dengan jalan awam untuk orang berjalan kaki yang tidak berpagar di sebuah sawah padi di Bayan Lepas, Pulau Pinang, yang mana tiang H-Pole dan kawat tersebut merupakan satu bahaya dan tarikan kepada pihak menentang rayuan dan untuk pecahan tugas yang ditetapkan oleh undang-undang di bawah Peraturan Letrik 1951. Dalihan hanya merupakan penafian semata-mata tentang kecuaian dan pecahan tugas yang ditetapkan oleh undang-undang tetapi dalam perjalanan hujjah di hadapan hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan, hujjah terutama adalah bahawa pihak menentang rayuan adalah seorang penceroboh dan oleh yang demikian pertalian penghuni/penceroboh perlulah dipertimbangkan. Hakim yang ariff memutuskan kes di atas dasar bahawa ianya satu kes kecuaian jelas berdasarkan kepada prinsip *Donoghue* v. *Stevenson*.[1] Dia memutuskan pihak merayu bertanggungjawab kerana pecah tugas berhati-hati, akan tetapi beliau tidak mempertimbangkan soal cuai sumbangan yang diutarakan di dalam kenyataan pembelaan. Pihak merayu telah merayu.

Diputuskan: (1) Dari keterangan yang ada kes ini adalah kes penghuni/penceroboh atas alasan jelas bahawa pihak menentang rayuan telah menceroboh ke atas tanah kepunyaan pihak merayu dan oleh yang demikian prinsip di dalam kes *British Railways Board* v. *Herrington*[8] dan *Southern Portland Cement Limited* v. *Cooper*[9] adalah terpakai;

(2) tugas yang dikenakan ke atas penghuni terhadap penceroboh akan timbul apabila penghuni mengetahui akan fakta yang menunjukkan kemungkinan besar bahawa penceroboh itu akan datang ke sesuatu tempat di mana terdapat bahaya yang telah diwujudkan atau diketahui olehnya dan tugas ini akan dipenuhi dengan cara penghuni mengambil langkah-langkah yang sesuai seperti yang ditetapkan oleh perikemanusiaan biasa dan memandang kepada keadaan persendirian dan had kewangannya;

(3) di dalam kes ini pihak merayu memang mempunyai tugas terhadap pihak menentang rayuan oleh kerana mereka telah mendirikan, mengendalikan dan mengawal suatu tiang H-Pole yang amat berbahaya yang mempunyai kemungkinan membawa maut yang tersembunyi benar-benar

---

* Dialihbahasa dari [1982] 2 M.L.J. 128 oleh Puan Saleha binte Mohamed Ramly, LL.B.(Malaya), LL.M.(London) Pensyarah di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.

berhampiran dengan sebatang lorong berjalan kaki yang menyambung kampung tersebut dengan jalan raya Bayan Lepas yang digunakan oleh orang kampong termasuk kanak-kanak. Tiang itu mudah dicapai oleh kanak-kanak dan ianya sesuai benar untuk dipanjat oleh kanak-kanak yang ingin memanjatnya. Pihak merayu mestilah dianggap sebagai mengetahui bahawa kanak-kanak boleh berkelakuan nakal dan boleh melakukan sesuatu tanpa menyedari akibatnya dan oleh yang demikian ada satu kemungkinan besar yang mereka akan datang ke situ. Terdapat satu tugas oleh kerana kewujudan satu keadaan berbahaya, berdekatan dengan orang ramai;

(4) di dalam kes ini kewarasan biasa dan perikemanusiaan biasa menetapkan bahawa langkah seperti meletakkan papan amaran dan alat mencegah orang memanjat harus diambil dan oleh kerana mereka tidak berbuat demikian, pihak merayu telah memecahkan tugas yang dikenakan keatas mereka terhadap pihak menentang rayuan, mengakibatkan kecederaan kepadanya;

(5) adalah menjadi satu kesimpulan yang adil bahawa keadaan bahaya yang diwujudkan oleh pihak merayulah, yang mana tidak diketahui, mahupun dijangkakan oleh pihak menentang rayuan, yang menyebabkan kemalangan yang menimpa dirinya. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada fakta di dalam kes ini, pihak menentang rayuan tidak boleh didapati bersalah kerana melakukan cuai sumbangan.

Kes yang dirujukkan:

(1) *Donoghue* v. *Stevenson* [1932] A.C. 562.
(2) *Munnings & Anor.* v. *The Hydro-Electric Commission* (1971) 125 C.L.R. 1.
(3) *Buckland* v. *Guildford Gas Light and Coke Co.* [1949] 1 K.B. 410.
(4) *Thompson* v. *Bankstown Corporation* (1952-1953) 87 C.L.R. 619.
(5) *Read* v. *J. Lyons & Co. Ltd.* [1947] A.C. 156, 165.
(6) *Transport Commissioners of New South Wales* v. *Barton* (1933) 49 C.L.R. 122, 127f.
(7) *Commissioner for Railways* v. *Quinlan* [1964] A.C. 1054, 1081.
(8) *British Railways Board* v. *Herrington* [1972] A.C. 877.
(9) *Southern Portland Cement Limited* v. *Cooper* [1974] A.C. 623; [1974] 1 M.L.J. 194.
(10) *McCarthy* v. *Wellington City* [1966] N.Z.L.R. 481.
(11) *Lengyel* v. *Manitoba Power Commission* [1957] 12 D.L.R. (2d) 126.
(12) *Nixon* v. *Manitoba Power Commission* [1959] 21 D.L.R. (2d) 68.
(13) *Jones* v. *City of Calgary* (1969) 3 D.L.R. (3d) 455.
(14) *Davis* v. *St. Mary's Demolition Co. Ltd.* [1954] 1 W.L.R. 592.
(15) *Creed* v. *Mc Geoch & Sons Ltd.* [1955] 1 W.L.R. 1005.
(16) *Ilott* v. *Wilkes* (1820) 3B. & Ald. 304; 106 E.R. 674.
(17) *Grand Trunk Railway Co. of Canada* v. *Barnett* [1911] A.C. 361, 370.
(18) *Gough* v. *Thorne* [1966] 3 All E.R. 398, 400.
(19) *Yachuk* v. *Oliver Blais Co. Ltd.* [1949] 2 All E.R. 150.
(20) *Bonnington Castings Ltd.* v. *Warlaw* [1956] A.C. 613, 620.
(21) *Lynch* v. *Nurdin* (1841) 1 Q.B. 36; 113 E.R. 1041.

[Kes-kes berikut juga dirujukkan di dalam hujjah-hujjah: *Khoo Ting Hong & Anor.* v. *Sim Guan Soon & Anor.* [1969] 1 M.L.J. 222; *Commissioner for Railways* v. *McDermott* [1966] 2 All E.R. 162; [1967] A.C. 169; *Tey Siew Goh* v. *Tay Tian Soo* [1965] 1 M.L.J. 21, 24; *Tan Chow Soo* v. *Ratna Ammal* [1969] 2 M.L.J. 49, 50, 51; *Purtill* v. *Athlone Urban District Council* [1968] I.R. 205.]

MAHKAMAH PERSEKUTUAN.

Cecil Abraham bagi pihak merayu.

Sri Ram (*V. Sithambaram* dengannya) bagi pihak menentang rayuan.

Raja Azlan Shah H.B. (Malaya) (memberi keputusan Mahkamah): Ini adalah rayuan dari keputusan Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang, di dalam satu tindakan untuk mendapatkan gantirugi untuk kecederaan peribadi dalam mana pihak menentang rayuan sekarang ini adalah pihak menuntut dan pihak merayu sekarang ini adalah pihak kenatuntut. Hakim yang arif membuat keputusan untuk pihak menuntut dan memberikan $34,000 sebagai gantirugi yang telah dipersetujui. Pembicaraan diteruskan di atas persoalan tanggungan.

Tuntutan tersebut berlandaskan kepada kecuaian pihak merayu dalam mendiri dan mengendalikan sebuah tiang punca keluli yang lebih lazim dikenali sebagai tiang-H yang membawa kawat letrik voltage tinggi benar-benar berhampiran dengan jalan awam untuk orang berjalan kaki yang tidak berpagar di sebuah sawah padi di Bayan Lepas, Pulau Pinang (bertentangan dengan lapangan terbang antarabangsa) yang mana tiang-H dan kawat tersebut merupakan satu bahaya dan tarikan kepada pihak menentang rayuan dan untuk pecahan tugas yang ditetapkan oleh undang-undang di bawah Peraturan Letrik 1951 (LN 406/51). Dalihan hanyalah merupakan penafian semata-mata tentang kecuaian dan pecahan tugas yang ditetapkan oleh undang-undang tetapi dalam perjalanan hujjah di hadapan hakim yang arif dan diulang di hadapan kami, hujjah terutama adalah bahawa pihak menentang rayuan adalah seorang penceroboh dan oleh yang demikian pertalian penghuni/penceroboh perlulah dipertimbangkan. Hakim yang arif memutuskan kes di atas dasar bahawa ianya satu kes kecuaian jelas berdasarkan kepada prinsip *Donoghue* v. *Stevenson*(1). Dia bergantung kepada kes Australia *Munnings & Anor.* v. *The Hydro-Electric Commission*(2) di mana diputuskan bahawa tanggungan mestilah ditentukan dengan merujuk kepada darjah berhati-hati yang diletakkan kepada seorang penjaga yang mengendalikan suatu sistem pemancar letrik yang amat merbahaya merentas tanah orang lain kepada mana pihak

menuntut, seorang kanak-kanak berumur 11 tahun dan kanak-kanak lain biasa berkunjung, dan kes Inggeris pada peringkat pertama iaitu *Buckland* v. *Guildford Gas Light and Coke Co.*[3] dimana seorang gadis berumur 13 tahun terbunuh oleh kuasa letrik semasa ia memanjat sebatang pokok yang senang dipanjat yang tumbuh betul-betul di bawah kawat letrik voltage tinggi, kepunyaan pihak kenatuntut, di tanah seorang peladang. Hakim yang arif walau bagaimanapun, gagal untuk mempertimbangkan soal cuai sumbangan yang diutarakan di dalam kenyataan pembelaan.

Terdapat hanya sedikit atau boleh dikatakan tidak apa-apa pertelingkahan berkenaan dengan fakta. Di dalam menjalankan fungsinya membekalkan letrik di Pulau Pinang pihak yang terdahulu dari pihak merayu, iaitu Lembaga Pengurusan Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang, telah mendiri dan mengendalikan tiang-H tersebut yang letaknya benar-benar di sebelah sebatang lorong jalan-kaki yang menyambung sebuah kampung terdiri daripada 150 hingga 200 buah rumah, dengan jalan raya Bayan Lepas di mana terdapat tiga buah sekolah. Lorong jalan kaki ini digunakan oleh penduduk kampung tersebut dan kanak-kanak sebagai lorong jalan kaki awam menuju ke jalanraya. Pihak merayu sememangnyalah sedar akan adanya lorong jalan kaki tersebut sebelum kemalangan itu dan mengaku bahawa mereka tidak mengambil apa-apa langkah, dan bahawa adalah wajar mendirikan alat menghalang pemanjatan misalnya, kenyataan amaran, dawai duri atau hujung tajam di atas tiang-H tersebut memandangkan kepada potensi bahayanya dan kedudukannya yang begitu hampir dengan lorong jalan kaki itu.

Pada 25hb April, 1975 pihak menentang rayuan yang pada masa itu berusia 10 tahun sedang berjalan melalui lorong jalan kaki tersebut bersama-sama dengan sekumpulan budak lelaki lain apabila tergerak hatinya untuk memanjat tiang-H itu ternyata di dalam satu percubaan untuk melepaskan seekor burung yang terperangkap di atas kawat di puncak tiang tersebut tetapi sebaik saja ia sampai ke penyangga atau palang-sengkang yang menyokong kotak kabel yang terletak lebihkurang 7 kaki dari paras tanah, berlaku satu pancaran letrik yang mengakibatkan pihak menentang rayuan terkena letrik dan terhumban ke tanah. Sebagai akibatnya dia mengalami kecederaan parah dan terbakar darjah pertama dan kedua, yang menyebabkan parut dan kecacatan kekal.

Hakim yang arif memutuskan bahawa: "Tidak perlu bagi tiang itu menjadi satu tarikan kerana potensi bahaya tiang tersebut begitu besar hinggakan sesuatu tindakan berjaga-jaga sepatutnya dianggap perlu untuk menentukan tiada sesiapa akan datang kepada atau cuba memanjat tiang itu. Kedekatan sebatang lorong yang menuju ke jalanraya dari sebuah kampung yang didiami orang sepatutnya telah menjadikannya boleh dipralihat dengan munasabah bahawa orang akan berada dekat dengan tiang itu ... Di dalam kes ini pihak kenatuntut sepatutnya mengetahui bahawa tiang di tanah tanpa penghuni terutama tiang-H selalunya akan menimbulkan kemahuan kanak-kanak untuk memanjatnya, walaupun bukan untuk tujuan melepaskan burung yang terperangkap di puncaknya. Dan tiada apa-apa langsung yang dapat membayangkan akan bahaya yang akan menimpa jika tiang itu dipanjat. Oleh yang demikian pihak kenatuntut telah tidak memenuhi tugas mereka untuk berhati-hati terhadap orang lain apabila mendiri dan mengendalikan tiang-H tersebut.

Kesukaran dalam memutuskan rayuan ini timbulnya dari kemungkinan dan barangkali juga kerperluan memilih antara dua kategori undang-undang tort yang bersaingan dan menggunakan salah satu darinya kepada fakta yang ada. Satu kategori berkenaan dengan tugas seorang penghuni sebuah binaan berkaitan dengan keselamatan mereka yang datang ke atasnya atau ke dalam kawasan kawalan yang dikenakan atau yang boleh dikenakan oleh penghuni itu. Kategori yang satu lagi merupakan sebahagian dari undang-undang am kecuaian berdasarkan kepada prinsip *Donoghue* v. *Stevenson*[1] dan berhubungan dengan tugas yang mengenakan satu darjah berhati-hati yang tinggi yang dipikul oleh mereka yang mengawal suatu perkara yang amat berbahaya, seperti letrik yang mempunyai kekuasaan voltage yang boleh membunuh.

Sebagai permulaan kita menimbangkan dua kes Australia, *Thompson* v. *Bankstown Corporation*[4] dan *Munnings* v. *The Hydro-Electric Commission*[2] (di atas). Di dalam kes *Thompson* seorang kanak-kanak berumur tiga belas tahun, dalam usaha mencapai sebuah sarang burung yang terletak lebih kurang lapan hingga sepuluh kaki dari tanah, di dalam birai di sebahagian tiang yang telah reput yang telah didirikan oleh pihak kenatuntut di atas sebatang jalan awam untuk tujuan membawa kawat voltej tinggi, telah terkena letrik akibat kurang kendalian dan kawalan oleh pihak kenatuntut akan kawat letrik atas mereka dan Mahkamah Tinggi menyelesaikan persoalan sebagai suatu kes penghuni/penceroboh tetapi memutuskan bahawa tugas berhati-hati timbulnya

dari penjadian satu keadaan yang amat berbahaya. Jika tidak penghuni/penceroboh, ada satu pertalian penghuni/orang yang tidak ada hak untuk berada di situ. Asas tanggungan nampaknya adalah bahawa pihak kenatuntut telah mewujudkan atau membenarkan timbulnya satu keadaan yang amat berbahaya berkaitan dengan kawat voltej tinggi tersebut.

Kes *Thompson* membayangkan satu kecenderungan ke arah pengiktirafan satu tugas am untuk berhati-hati yang tidak berkaitan dengan tanggungan yang mungkin wujud dari pertalian penghuni/penceroboh. Konsep tugas am untuk berhati-hati, yang wujud berserta dengan tugas yang lebih sempit yang timbul dari penghunian tanah yang boleh digunakan oleh pihak menuntut ditekankan dengan begitu berkesan di dalam keputusan Kitto, H. di muka surat 642/643:

"Hujjah pihak menentang rayuan kelihatan seperti membuat anggapan bahawa kaedah undang-undang yang menerangkan had-had tugas yang dipikul oleh seorang penghuni terhadap seorang penceroboh begitu meluas hinggakan memberi kepada si penghuni satu jawapan yang berkesan apabila di hadapkan dengan pendakwaan oleh si penceroboh bahawa dalam jangka masa pencerobohan itu si penghuni memikul satu tugas untuk berhati-hati terhadapnya. Anggapan sedemikian adalah tidak kena pada tempatnya, kerana kaedah tersebut berkaitan hanyalah dengan kejadian yang dikaitkan oleh undang-undang kepada pertalian khusus antara penghuni dan penceroboh. Ia memerlukan, seperti kata Lord Uthwatt di dalam kes *Read* v. *J. Lyons & Co. Ltd.*[5], di muka surat 185, satu darjah kelakuan yang mana seorang penghuni yang berfikiran munasabah yang juga memandang kepada kepentingannya sendiri akan akui sebagai adil, dan seorang penceroboh di dalam masyarakat bertamaddun akan jangkai. Adalah menjadi salah tanggapan kaedah ini jika ianya dianggap sebagai merintangi penggunaan prinsip am *M'Alister (atau Donoghue)* v. *Stevenson (Pauper)*[1] kepada sebuah kes di mana seorang penghuni, selain dari menjadi seorang penghuni, mempunyai pertalian lain dengan seorang penceroboh hinggakan pihak yang terkemudian ini bukanlah hanya seorang penceroboh tetapi juga adalah jiran si penghuni, dalam erti kata yang digunakan oleh Lord Atkin: sila lihat *Transport Commissioners of New South Wales* v. *Barton*"[6]

Kes *Thompson* digunakan di dalam kes *Munning*, yang juga berkenaan dengan kawat letrik voltej tinggi yang terletak berhampiran dengan tempat di mana kanak-kanak mungkin berada dan di sana adalah tugas yang dipikul oleh seseorang yang menjalankan sesuatu perkara yang mengendalikan satu sistem pemancar letrik yang amat berbahaya merentas tanah orang lain yang sering dikunjungi oleh kanak-kanak itu dan yang lain.

Konsep tanggungan serentak ini telah dikritik oleh Viscount Radcliffe di dalam *Commissioner for Railways* v. *Quinlan*[7] seperti berikut:

"Kami para hakim tidak mendapati mana-mana taakulan (hujjah) dengan mana tugas terhad yang dipikul oleh seorang penghuni terhadap seorang penceroboh boleh wujud selaras dengan tugas am untuk berhati-hati sesuai dengan formula (rumusan) *Donoghue* v. *Stevenson* (*supra*)".

Mahkamah House of Lords di dalam *British Railways Board* v. *Herrington*[8], mengesahkan dan menerima prinsip tersebut di dalam kes *Quinlan* bahawa seorang penghuni tidak memikul tugas biasa untuk berhati-hati terhadap seorang penceroboh seperti yang diucapkan di dalam *Donoghue* v. *Stevenson*. Mahkamah tidak menyokong kaedah tanggungan serentak. Dinyatakan oleh Lord Reid (di muka surat 899) bahawa seorang penghuni tidak dengan sukarela membuat satu pertalian dengan penceroboh. Dengan menceroboh mereka secara paksa meletakkan pertalian "jiran" ke atasnya. Mahkamah Privy Council dalam *Southern Portland Cement Limited* v. *Cooper*[9] membuat tekanan yang sama berkenaan dengan perkara ini, seperti yang diulang oleh Lord Reid (di muka surat 644):

"Bahawa, mestilah diingatkan bahawa pertalian jiran telah secara paksa, diletakkan ke atas penghuni oleh penceroboh dan oleh kerana itu tidaklah adil jika ia dikenakan kewajipan sepenuhnya yang timbul dengan cara biasa."

Kami menyedari bahawa kedua-dua kes *Herrington* dan *Cooper* telah menjadi bahan kritik yang ditawarkan penulis buku teks dan Suruhanjaya Undang-Undang bahawa cabang undang-undang ini telah menjadi "terlalu halus" (over-refined), bahawa kes ini lebih mewujudkan masalah dari menyelesaikannya dan bahawa tindakan perundangan adalah diperlukan. Suruhanjaya Undang-Undang telah mencadangkan supaya, pada dasarnya tugas biasa untuk berhati-hati seharusnya diletakkan ke atas penghuni terhadap penceroboh, dan bahawa kriteria yang disokong di dalam *Herrington* dan *Cooper* mestilah ditolak. (Sila rujuk kepada Kertaskerja No. 52/1973 di muka surat 26). Kami juga menyedari bahawa pengiktirafan kehakiman mengenai masalah yang dihadapi oleh pihak menuntut adalah menyeluruh di kebanyakan negara yang mana undang-undangnya berdasarkan common law tetapi reaksi mereka adalah kurang tertahan dari reaksi rakan sejawat mereka di England. Di Australia, New Zealand dan Canada, tanggungan penghuni terhadap penceroboh berdasarkan kepada prinsip meluas undang-undang kecuaian. Sila rujuk kepada *Munnings* v. *The Hydro-Electric Commission* (di atas); *McCarthy* v. *Wellington City*[10]; *Lengyel* v. *Manitoba Power Commission*[11]; *Nixon* v. *Manitoba Power Commission*[12]; *Jones* v. *City of Calgary*[13]. Sila rujuk juga kepada pernyataan

Semula Undang-Undang Tort Institut Undang-Undang Amerika (seksyen 339) berkaitan dengan tanggungan penghuni untuk keadaan yang tidak semula jadi yang amat berbahaya kepada kanak-kanak yang menceroboh. Oleh kerana cengkaman tak terlerai *stare decisis* (duluan tetap mengikat) kita terpaksa mematuhi keputusan di dalam kes *Cooper*, jika ianya terpakai.

Kami membuat kesimpulan bahawa dari keterangan yang ada kes di hadapan kami ini adalah kes penghuni/penceroboh atas alasan jelas bahawa pihak menentang rayuan telah menceroboh ke atas tanah kepunyaan pihak merayu dan oleh yang demikian prinsip di dalam kes *Herrington* dan *Cooper* adalah terpakai. Telah diutarakan di dalam hujjah bahawa ini tidak tepat kerana pihak merayu bukanlah penghuni tanah di atas mana tiang itu terdapat dan oleh yang demikian dia dikenakan darjah berhati-hati yang lebih tinggi sejenis dengan tugas yang digambarkan di dalam kes *Donoghue* v. *Stevenson* (di atas). Apabila membincangkan kes dari aspek yang khusus ini, timbullah di fikiran kita kes seperti *Buckland* v. *Guildford Gas Light and Coke Co.* (di atas), *Munnings & Anor.* v. *The Hydro-Electric Commission* (di atas), kedua-dua kes ini menjadi panduan kepada hakim yang arif, dan *Davis* v. *St. Mary's Demolition Co. Ltd.*(14) dan *Creed* v. *Mc Geoch & Sons Ltd.*(15)

Haruslah disebut secara sambil lalu bahawa keempat-empat kes ini dirujuk dan diulas oleh Lord Wilberforce (muka surat 914), Lord Pearson (muka surat 924, 929) dan Lord Diplock (muka surat 943) di dalam kes *Herrington*. Tanpa menyebutkan perkara ini dengan panjang lebar, pertimbangan dicta (pepatah) di dalam kes *Herrington* mengarah kepada pembuangan apa-apa pengasingan jelas antara penghuni dan bukan penghuni dari segi ini, supaya hakikat bahawa pihak menuntut merupakan seorang penceroboh akan berkaitan di dalam sebuah tuntutan terhadap salah seorang dari mereka. (Sila rujuk juga kepada ed. 11 Winfield & Jolowicz on Tort dimuka surat 214). Lord Diplock khususnya meninggalkan persoalan ini tanpa penyelesaian kerana "kes yang sedang dihakimkan ini bukanlah kes yang sesuai digunakan untuk memperkatakan tentang tanggungan terhadap penceroboh yang dikenakan ke atas mereka yang bukan merupakan penghuni tanah itu atas mana pencerobohan telah dilakukan." (Muka surat 943). Kami akan mengulang semula apa yang telah diucapkan oleh Lord Reid di dalam kes *Cooper* di muka surat 643, 644 yang dirujuk di awal keputusan ini.

Di dalam kes *Herrington*, pihak kenatuntut mempunyai sebatang jalan keretapi berkuasa letrik yang dipagari mengasingkannya dari sebuah padang di mana kanak-kanak dibenarkan dari segi undang-undang untuk bermain. Pihak kenatuntut mengetahui bahawa pagar tersebut telah usang dan mengetahui juga bahawa kanak-kanak bermain di atas jalan keretapi itu, tetapi mereka tidak memperbetulkan pagar itu. Pihak menuntut yang berumur enam tahun menyeberangi pagar yang telah runtuh, menceroboh ke atas jalan keretapi dan mengalami kebakaran yang teruk akibat jalan keretapi berletrik itu. Mahkamah House of Lords sebulat suara memutuskan bahawa pihak kenatuntut adalah bertanggung; Lord Reid memutuskan bahawa tiada mana-mana individu yang telah berkelakuan tanpa peri kemanusiaan tetapi pihak kenatuntut patut dikecam akibat dari "kurang kecergasan di dalam organisasi amnya".

Fakta di dalam kes *Cooper* adalah bahawa pihak kenatuntut yang menjalankan kerja menggali batu membuat satu timbunan bahan buangan yang besar di atas premisi (perkarangan) mereka guna untuk mendapatkan satu kecuraman untuk melangsir gerabak mereka. Setelah beberapa bulan mereka menimbunkan bahan buangan ini – yang masih juga berterusan tanpa mengindahkan arahan penguasa pihak kenatuntut untuk berhenti – timbunan itu telah menenggelami beberapa tiang letrik voltej tinggi, dan lama kelamaan jurang antara timbunan itu dan kawat itu sendiri menjadi kecil. Kanak-kanak sering kali bermain di dua tempat berdekatan dengan, tetapi diluar tanah pihak kenatuntut, dan tempat ini hanyalah beberapa ratus ela dari timbunan tersebut yang jelas kelihatan dari tempat tersebut. Dari salah satu dari tempat inilah pihak menuntut, seorang kanak-kanak berumur tiga belas tahun, dan kawannya pergi bermain di atas timbunan itu. Semasa sedang bermain itu, lengan pihak menuntut terkena kepada kawat letrik tersebut dan mengalami kecederaan. Mahkamah Privy Council, seperti juga Mahkamah Tinggi Australia, mendapati pihak kenatuntut bertanggung.

Di dalam kes *Herrington* terdapat lima ucapan keputusan berasingan dan di tengah-tengah barisan bilangan ujian yang amat mengelirukan yang menggunakan istilah yang kurang cermat, adalah sukar untuk menyatakan dengan tepat sekali apakah *ratio decidendi* (asas keputusan) kes tersebut. Dengan kata-kata yang positif, kes ini, yang diikuti pada dasarnya oleh Mahkamah Privy Council di dalam kes *Cooper* memutuskan,

pertama, bahawa memang ada tugas yang dikenakan ke atas tuan punya/penghuni terhadap seorang penceroboh yang mana kehadirannya diketahui ataupun boleh dijangka dengan munasabah; "apabila ia mengetahui fakta yang menunjukkan kemungkinan besar bahawa mereka akan datang ke situ" (sila rujuk kepada kes *Cooper* di muka surat 644); dan kedua, bahawa ukuran tugas tersebut ialah seperti yang ditetapkan oleh peri kemanusiaan biasa. Ujian kemanusiaan ini bukanlah satu perkara baru. Lord Reid di dalam kes *Cooper* (muka surat 642, 643) menekankan bahawa:

"Kami para hakim bukanlah menerokai daerah baru dalam memutuskan bahawa jenis dan keluasan tugas seorang penghuni terhadap seorang penceroboh mestilah berdasarkan pertimbangan kemanusiaan. Sejak tahun 1820 lagi di dalam kes *Ilott* v. *Wilkes*(16), sebuah kes yang memperkatakan tentang kecederaan yang dialami oleh seorang penceroboh akibat dari sepucuk senapang perangkap, Best H., di muka surat 319, mengatakan:

> "Undang-Undang di England tidak akan mengizinkan apa yang tidak selaras dengan kemanusiaan."

Di dalam kes *Grand Trunk Railway Co. of Canada* v. *Barnett*(17) keputusan Lembaga Kehakiman merujuk, pada muka surat 370, kepada "sengaja atau tidak peduli akan peri kemanusiaan biasa dan bukanlah ketiadaan jagaan yang munasabah.""

Sifat dan keluasan tugas tersebut adalah lebih rendah dari yang diharapkan dari seorang yang munasabah di dalam undang-undang kecuaian biasa. Sifat tugas ini bergantung kepada apa yang diketahui oleh pihak kenatuntut, berbeza dari apa yang ia patut mengetahui. Oleh yang demikian tuanpunya tanah/penghuni dikenakan tugas hanya jika ditunjukkan pertama, bahawa dia benar-benar mengetahui akan kehadiran penceroboh itu atau sekurang-kurangnya mengetahui akan fakta yang menjadikan kehadiran penceroboh tersebut satu kemungkinan yang besar; dan kedua, bahawa dia benar-benar mengetahui fakta berkaitan dengan keadaan tanah tersebut atau kegiatan yang dijalankan di atasnya yang mungkin akan mendatangkan kecederaan peribadi kepada penceroboh sedemikian yang tidak sedar akan bahaya itu (oleh Lord Diplock di muka surat 941). Tidaklah mencukupi, seperti ianya mencukupi di dalam kes kecuaian, bahawa dia sepatutnya mengetahui tentang perkara-perkara ini. Selanjutnya, keluasan tugas itu terkurang sedikit dari darjah seorang yang munasabah, kerana apa yang diharapkan dari seorang tuanpunya tanah/penghuni dalam menjalankan tugasnya bertukar-tukar bergantung kepada keadaan persendiriannya dan keupayaannya untuk mengatasi bahaya tersebut, seperti pengetahuannya, kemahiran dan sumber wang dan tenaga buruhnya (oleh Lord Reid di muka surat 899, oleh Lord Wilberforce di muka surat 920; oleh Lord Diplock di muka surat 796). Lord Reid di dalam kes *Cooper* (di muka surat 644) membahagikan bahaya yang mana tugas itu dikenakan, kepada bahaya yang bukan diwujudkan oleh penghuni dan bahaya yang diwujudkan olehnya. Berkenaan dengan bahaya yang timbul di atas tanahnya tanpa pengetahuannya penghuni tidak ada apa-apa kewajipan untuk membuat penyiasatan atau pemeriksaan. Berkenaan dengan bahaya yang diketahuinya tetapi yang bukan diwujudkan olehnya dia tidaklah boleh diharapkan membelanjakan wang yang padanya akan mendatangkan beban yang besar. Tetapi kalaulah dia yang mewujudkan bahaya tersebut sedangkan dia mengetahui ada kemungkinan yang penceroboh akan datang ke tempat itu dan mereka tidak akan melihat atau menyedari akan bahaya itu dia mungkin terpaksa melakukan lebih dari itu. Lebih besar bahayanya maka lebih beratlah kewajipan untuk menjauhkan bahaya itu dan jika benda yang berbahaya itu atau sesuatu berdekatan dengannya merupakan satu tarikan kepada kanak-kanak itu akan melebihkan kemungkinan yang kanak-kanak akan datang ke situ.

Jadi, sebagai menggulung, tugas yang dikenakan ke atas penghuni terhadap penceroboh akan timbul apabila penghuni mengetahui akan fakta yang menunjukkan kemungkinan besar bahawa mereka akan datang ke sesuatu tempat di mana terdapat bahaya yang telah diwujudkan atau diketahui olehnya, dan tugas ini akan dipenuhi dengan cara penghuni mengambil langkah-langkah yang sesuai seperti yang ditetapkan oleh peri kemanusiaan biasa dan memandang kepada keadaan persendirian dan had kewangannya.

Sekarang kita perlulah mempertimbangkan sama da pihak merayu mempunyai apa-apa tugas terhadap pihak menentang rayuan, dan jika ada, apakah dia tugas ini, dan jika dia benar-benar mempunyai tugas terhadap pihak menentang rayuan, sama ada mereka telah memecahkan tugas tersebut, mengakibatkan pihak menentang rayuan mengalami kecederaan.

Kami berpuashati yang pihak merayu memang mempunyai tugas terhadap pihak menentang rayuan. Mereka telah mendirikan, mengendalikan dan mengawal suatu tiang-H yang amat berbahaya yang mempunyai kemungkinan membawa maut yang tersembunyi benar-benar berhampiran dengan sebatang lorong berjalan kaki yang menyambung

kampung tersebut dengan jalan raya Bayan Lepas yang digunakan oleh orang kampung termasuk kanak-kanak. Tiang itu mudah disampai oleh kanak-kanak dan ianya sesuai benar untuk dipanjat oleh kanak-kanak yang ingin memanjatnya. Pihak merayu mestilah dianggap sebagai mengetahui bahawa kanak-kanak boleh berkelakuan nakal dan boleh melakukan sesuatu tanpa menyedari akibatnya dan oleh yang demikian ada satu "kemungkinan besar" yang mereka akan datang ke situ. Terdapat satu tugas "oleh kerana kewujudan satu keadaan berbahaya, berdekatan dengan orang ramai." (Oleh Lord Wilberforce di dalam kes *Herrington* di muka surat 920).

Dengan mengandaikan adanya satu bahaya dan kewujudan satu tugas, apakah yang mesti dilakukan oleh pihak merayu? Jawapannya ialah mereka mestilah mempertimbangkan secara menyeluruh tentang apa yang harus mereka lakukan, sambil memandangkan kepada besarnya bahaya, darjah kemungkinan akan kedatangan penceroboh, dan darjah bahaya tersembunyi atau yang tidak disangka yang mana mereka mungkin terdedah jika mereka datang, lebih memberatkan faktor ini jika penceroboh tersebut mungkin berupa kanak-kanak. Pertimbangan sedemikian mestilah dibuat sambil mengingatkan kepada had kewangan dan lain-lainya, dan segala kesusahan yang akan menimpa mereka jika mereka mengambil atau mengelakkan dari mengambil apa-apa langkah untuk kepentingan penceroboh. Ujian di sini ialah mereka mestilah bertindak dengan penuh perikemanusiaan. Di dalam kes di hadapan kita terdapat keterangan bahawa mereka mengetahui tentang fakta berkaitan dengan masa dan tempat kemalangan tersebut, yang biasanya akan mendorong seorang yang waras dan berperikemanusiaan, yang mempertimbangkan fakta yang diektahui olehnya yang akan diambil kira oleh orang sedemikian, untuk membuat kesimpulan bahawa terdapat kemungkinan yang jika langkah keselamatan tidak diambil, satu kemalangan akan berlaku serupa sifatnya dengan apa yang benar-benar berlaku. Kewarasan biasa dan perikemanusiaan biasa menetapkan bahawa langkah seperti ini, misalnya, meletakkan papan amaran dan alat mencegah orang memanjat, harus diambil. Mereka tidak berbuat demikian. Oleh yang demikian kami memutuskan bahawa mereka telah memecahkan tugas yang dikenakan ke atas mereka terhadap pihak menentang rayuan, mengakibatkan kecederaan kepadanya. Kami jadinya menegakkan keputusan hakim yang arif tetapi untuk sebab yang tersebut di atas.

Adakah pihak menentang rayuan telah melakukan cuai sumbangan? Dakwaan di sini ialah sebenarnya pihak menentang rayuan gagal untuk menggunakan jagaan yang munasabah untuk keselamatan dirinya sendiri. Dikatakan bahawa dia sepatutnya tidak memanjat tiang itu memandangkan kepada keadaan yang merbahaya di sebelah atasnya itu. Kita mesti mempertimbangkan usianya dan keadaan sekeliling kes ini. Ujian yang digunakan adalah ujian yang objektif; ianya ialah sama ada seorang kanak-kanak biasa yang sebaya dengan pihak menentang rayuan dan mempunyai pengalaman yang serupa – bukan seorang "contoh berhati-hati yang terbaik" mahupun seorang yang "fikiran tak menentu" – akan mengambil lebih langkah berhati-hati dari yang diambil oleh pihak menentang rayuan. (Oleh Salmon L.J. di dalam kes *Gough* v. *Thorne*[18]).

Di dalam kes *Yachuk* v. *Oliver Blais Co. Ltd.*[19], Mahkamah Privy Council memutuskan bahawa seorang kanak-kanak lelaki berumur sembilan tahun, telah tidak melakukan cuai sumbangan kerana dia tidak mengetahui dan juga tidak boleh diharap untuk mengetahui sifat minyak petrol yang amat berbahaya; dia tidak pernah diberi amaran tentang sifat minyak petrol. Di dalam kes itu seorang pekerja pihak menentang rayuan, tuanpunya sebuah stesyen minyak, membekalkan minyak petrol kepada kanak-kanak itu. Walaupun kanak-kanak itu memberitahu pekerja tersebut bahawa dia memerlukan minyak itu untuk kereta ibunya yang "tersadai tidak jauh dari situ", sebenarnya dia mahukan minyak itu untuk permainan "Red Indian". Di dalam bermain ini dia menyalakan minyak tersebut dan mencederai dirinya. Di dalam kes *Gough* v. *Thorne* (*supra*) seorang budak perempuan diputuskan tidak melakukan cuai sumbangan kerana menyeberangi jalan setelah diberi isyarat oleh seorang pemandu lori bahawa tiada kenderaan di atas jalan di sebalik lori tersebut; adalah salah untuk mendapati yang seorang kanak-kanak perempuan berumur 13½ tahun telah berlaku cuai kerana dia gagal mempertimbangkan sama ada selamat baginya untuk melintas jalan dan bergantung tanpa soalan kepada isyarat pemandu lori tersebut. Ini memanglah mungkin boleh diharap secara munasabah daripada seorang dewasa yang mana cara pemikiran tentang kegunaan jalanraya telah matang, tetapi bukanlah seorang kanak-kanak berumur 13½ tahun.

Di dalam kes ini pihak menentang rayuan dan sekumpulan kanak-kanak lelaki lain sedang berjalan melalui lorong berjalan kaki itu apabila ia

ternampak seekor burung terperangkap di atas kawat di puncak tiang itu yang merupakan bahaya yang tidak nyata kepada seorang kanak-kanak yang sebaya dengan pihak menentang rayuan hanya kerana dia belum cukup matang untuk menyedari akan keadaan bahaya itu; sama ada perkara itu jelas atau tidak dimatanya, perkara ini terlindung dari fahamannya. Pemeriksaan keterangan yang teliti telah memuaskan hati kami bahawa pihak menentang rayuan tidak mengetahui atau tidak patut diharap untuk mengetahui tentang keadaan bahaya ini. Dia tidak pernah diberitahu ataupun diberi amaran tentang bahaya sedemikian. Dia sendiri mengatakan, apa yang benar-benar mungkin, bahawa dia tidak mengetahui apakah dia letrik; bahawa letrik itu merbahaya. Dia memikirkan yang kawat letrik itu adalah kawat untuk sesuatu tujuan. Dia tidak pernah melihat kawat seperti itu di rumahnya. Berdasarkan kepada keterangan, pada pandangan kami, adalah mustahil untuk menganggapnya berkeupayaan untuk menjaga dirinya sendiri di dalam keadaan dimana ia diletakkan seperti juga seorang kanak-kanak biasa yang sebaya dengannya. .

Kecuaian pihak merayu adalah dalam mendirikan, mengendalikan dan mengawal sebatang tiang yang amat berbahaya yang mempunyai kebolehan membunuh yang tersembunyi berdekatan benar dengan sebatang lorong berjalan kaki di mana besar kemungkinan kanak-kanak akan datang dan ketiadaan apa-apa amaran atau alat pencegah orang memanjat yang menunjukkan bahawa ada bahaya yang amat besar jika tiang itu dipanjat. Fakta bahawa pihak menentang rayuan memanjat tiang itu, satu fakta yang amat ditekankan oleh peguam pihak merayu untuk menunjukkan bahawa sebab paling berkesan kemalangan tersebut adalah perbuatan sengaja yang bodoh yang dilakukan oleh pihak menentang rayuan, dan oleh kerana itu, pecahan tugas yang telah dilakukan oleh mereka tidaklah "menyebabkan atau menyumbang secara besar terhadap kerosakannya" (oleh Lord Reid di dalam *Bonnington Castings Ltd.* v. *Warlaw*[20]), tidaklah boleh digunakan oleh pihak merayu memandangkan kepada keterangan dalam kes ini. Meletakkan tiang berbahaya tersebut di situ adalah mendedahkannya kepada risiko kecederaan. Perbuatan pihak menentang rayuan dalam memanjat tiang tersebut tidak boleh digunakan sebagai satu dalih untuk pihak merayu apabila didapati bahawa tiang itu senang disampai oleh kanak-kanak dan begitu sesuai sekali bagi mereka yang ingin untuk memanjatnya dan adalah bijak untuk meletakkan satu tanda amaran atau alat mencegah orang memanjat. Di dalam keadaan ini, jadinya, kami memetik kata-kata Denman H.B., di dalam kes *Lynch* v. *Nurdin*[21]:

> "Kelalaian orang gajinya yang patut dicela inilah yang menggoda kanak-kanak itu, jadi dia (pihak kenatuntut) tidak sepatutnya menyalahkan kanak-kanak itu kerana terpengaruh oleh godaan itu. Dialah yang menjadi sebab sebenar dan tunggal kecelakaan tersebut. Dia telah kurang menggunakan jagaan biasa; kanak-kanak tersebut, bertindak tanpa berhati-hati atau berfikir panjang walau bagaimanapun, telah menunjukkan sifat ini dengan darjah sebesar yang boleh diharapkan dari mereka. Kelakuan jahatnya tidak setimbal dengan kelakuan pihak kenatuntut yang telah menyebabkan kelakuan itu."

Adalah menjadi satu kesimpulan yang adil bahawa keadaan bahaya yang diwujudkan oleh pihak merayulah, yang tidak diketahui, mahupun dijangkakan di ketahui oleh pihak menentang rayuan, yang menyebabkan kemalangan yang menimpa dirinya. Oleh yang demikian kami berpendapat bahawa, berdasarkan fakta di dalam kes ini, pihak menentang rayuan tidak boleh didapati bersalah kerana melakukan cuai sumbangan.

Oleh yang demikian kami menolak rayuan ini dengan kos.

Rayuan ditolak.

SIVALINGAM lwn. PENDAKWA RAYA*

[Mahkamah Persekutuan (Lee Hun Hoe H.B. (Borneo), Abdul Hamid H.P. dan Abdoolcader H.) Mei 14, 1982]

[Kuala Lumpur – Mahkamah Persekutuan Rujukan Jenayah No. 4/1982]

Undang-Undang Jenayah dan Acara Jenayah – Rayuan – Kuasa Hakim rayuan mengganti tuduhan – Tuduhan asal di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan – Digantikan dengan tuduhan di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan Sama ada sah – Kanun Keseksaan, Seksyen 409 dan 420 – Kanun Acara Jenayah, Seksyen 158, 162, 166, 167 dan 316.

Di dalam kes ini pemohon telah dituduh di hadapan Mahkamah Sesyen untuk suatu kesalahan di bawah s. 420 Kanun Keseksaan dan didapati salah dan dihumum penjara selama setahun. Dia merayu terhadap thabitan dan hukuman. Hakim rayuan dapati bahawa satu kesalahan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan telah dibuktikan dan beliau menggantikan tuduhan kepada suatu tuduhan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan dan mengekalkan thabitan dan hukuman. Pemohon meminta Mahkamah Tinggi di

---

* Dialihbahasa dari [1982] 2 M.L.J. 172 oleh Puan Mimi Kamariah binti Abdul Majid LL.B. (Malaya) LL.M. (Monash), Pensyarah, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya.